

14/04/2000

Pemimpin G77 hargai pandangan PM

Mior Kamarul Shahid in Havana

HAVANA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya menyampaikan mesej pada Sidang Puncak Selatan Kumpulan 77 (G77) bahawa pertubuhan itu tidak akan mengambil alih fungsi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), sebagaimana cuba digembar-gemburkan oleh pelbagai pihak, terutama Barat.

Ia juga menolak anggapan sesetengah pihak yang mulai curiga bahawa wujud unsur-unsur militan dalam G77, terutama setelah mendengar ucapan perasmian Presiden Cuba, Fidel Castro dan beberapa pemimpin lain, semalam.

Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar berkata, ramai pemimpin G77 menyatakan ucapan Dr Mahathir berjaya mengimbangi keadaan.

Dalam ucapannya semalam, Dr Mahathir mengajak negara-negara membangun mengatasi kelemahan sendiri dan bersatu menghadapi kesan globalisasi yang ditafsir mengikut kepentingan Barat.

Ucapan Castro, yang mana negaranya mengalami hukuman sekatan ekonomi Amerika Syarikat selama empat dekad, dilihat oleh duta-duta Barat sebagai cuba membangkitkan isu kesengsaraan rakyat dan mengajak negara membangun memulihkan semangat melawan untuk mempertahankan tuntutan mereka.

Ketika ditubuhkan, matlamat G77 lebih berfokus kepada isu pembangunan membabitkan negara membangun manakala NAM lebih tertumpu kepada isu politik.

Syed Hamid berkata, Dr Mahathir meletakkan isu globalisasi dalam perspektif yang sebenar di samping menegaskan perlunya setiap negara anggota mengatasi kelemahan bersama iaitu perpaduan yang selama ini menjadi kelemahan di negara membangun.

Ditanya reaksi ucapan Dr Mahathir itu, Syed Hamid berkata ramai pemimpin negara anggota mengucapkan tahniah kerana Perdana Menteri bercakap dalam nada suara negara membangun.

"Menurut mereka, Malaysia bercakap perkara yang tidak disebut oleh pemimpin lain. Ia membawa perasaan negara membangun yang tidak boleh dianggap retorik tetapi menggunakan pendekatan pragmatik, menilai masalah dan bercakap mengenai cara mengatasi masalah. Ini bukan pertentangan antara Timur dan Barat atau Utara lawan Selatan," katanya.

Secara umum, katanya, mereka melihat Dr Mahathir bukan terbatas sebagai pemimpin Malaysia tetapi pemimpin negara membangun atas sifatnya yang terbuka, jujur dan pada masa sama menggunakan pendekatan yang praktikal dan pragmatik untuk mengatasi masalah.

Syed Hamid berkata, negara-negara membangun perlu membuktikan perpaduan sesama sendiri memandangkan kebanyakan masalah global terletak di negara membangun.

Sementara itu, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Presiden Namibia, Sam Nujomo di sini, hari ini.

Nujomo berpuas hati dengan hubungan dua hala antara kedua-dua negara dan menghargai pencapaian Malaysia.

Beliau meminta Dr Mahathir memberi perhatian kepada Namibia dari segi pelaburan, perkongsian bijak dan projek usahasama kerana yakin dengan kemampuan Malaysia.

(END)